



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI BAKAL MELANCARKAN PROGRAM MYHACKATHON EDISI 2022

GEORGE TOWN, 24 MEI 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) akan meneruskan Program MYHackathon Edisi 2022. Program ini bakal dilancarkan pada bulan hadapan dengan menyasarkan lebih banyak inovasi oleh syarikat-syarikat pemula untuk menambahbaik sistem penyampaian kerajaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr Adham Baba berkata, "MOSTI menyasarkan lebih daripada 300 penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat antaranya melibatkan start-up, inovator tempatan, para pelajar universiti".

Selain itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba turut melancarkan edisi ketiga siri jelajah MYStartup Roadshow di Pulau Pinang.

Siri jelajah 'MYStartup Roadshow' anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi di bawahnya, Cradle meneruskan kesinambungan momentum dan usaha dalam mewujudkan sebuah ekosistem *start-up* yang terangkum dan kondusif.

Siri jelajah MYStartup Roadshow merupakan sebahagian daripada usaha untuk memastikan komuniti *start-up* di luar kawasan Lembah Klang tidak terlepas daripada turut terlibat dan mendapat manfaat daripada acara-acara pemeraksanaan *start-up* melalui Program MYStartup.

Dato' Sri Dr. Adham berkata, "MOSTI bersama-sama pihak Cradle berasa bangga dapat bekerjasama serta mendapat sokongan daripada rakan komuniti dan teknikal seperti Digital Penang, Invest Penang, dan Universiti Sains Malaysia dalam usaha memajukan lagi komuniti *start-up* di Pulau Pinang khususnya. Turut hadir bagi menyokong acara dua hari ini adalah pihak Microsoft Malaysia dan SIRIM."

Start-up yang hadir di acara dua (2) hari berkenaan berpeluang mendapatkan maklumat dan hebahan mengenai program-program yang dilaksanakan MOSTI secara terus. Turut diadakan adalah sesi penerangan berkenaan Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* (SUPER), kaedah-kaedah penyertaan program bagi para *start-up*, kriteria-kriteria bagi memohon geran, pepadanan perniagaan dengan dana bersesuaian, sesi *networking* dan juga pelbagai bengkel.

Hari kedua siri jelajah menampilkan acara suai kenal 'MYStartup Meet & Pitch' yang menyediakan ruang bagi *start-up* jemputan dari sektor Teknologi Baharu Muncul dan Elektrikal & Elektronik (*E&E*) untuk membuat pembentangan (*pitching*) secara langsung kepada para pelabur yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat modal teroka (*venture capital*) serta pelabur-pelabur mangkin.

Selain itu, MYStartup Roadshow kali ini turut mengetengahkan sesi ramah mesra bersama *start-up* jemputan seperti Easy Parcel, Niagawan, Neptrix dan Havva Agrotech pada hari kedua program.

Dilancarkan pada awal tahun 2022, Program MYStartup terdiri daripada beberapa program yang bertujuan memperkasakan ekosistem dan komuniti *start-up* di Malaysia melalui pengisian yang menumpukan kepada pembangunan serta perkembangan *start-up* secara mampan serta pembangunan kapasiti dan modal insan.

Bermula pada 23 Mei 2022, platform sehati bagi *start-up* di Malaysia, Portal MYStartup, telah menampilkan ciri baharu di mana para pengguna berdaftar portal berkenaan boleh mengemaskini profil *start-up* mereka. Profil yang lengkap dengan butiran dan maklumat terkini dapat mengukuhkan lagi kebarangkalian pepadanan *start-up* dengan bakal pelabur.

Dato' Sri Dr. Adham turut berbesar hati menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Cradle dan Digital Penang selaku rakan pelaksana siri jelajah edisi Pulau Pinang. Menerusi MoU yang dimeterai, pihak Digital Penang, sebuah syarikat milikan penuh kerajaan negeri Pulau Pinang, akan bekerjasama dengan Cradle dalam menjayakan semua program dan aktiviti di bawah naungan Program MYStartup di negeri tersebut.

Maklumat lanjut mengenai ekosistem *start-up* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan juga maklumat berkenaan hentian siri jelajah 'MYStartup Roadshow', *start-up*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem, sila layari dan mendaftar di platform MYStartup di www.mystartup.gov.my.

TAMAT

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
24 MEI 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes
Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
03-88858299
emily@mosti.gov.my

Ali Baizuri Razali
PR & Media
Cradle Fund Sdn. Bhd.
011-63295400
ali.baizuri@cradle.com.my